



JAWATAN : PENSYARAH (DM41)

TARAF JAWATAN : KONTRAK

Ringkasan Bidang Tugas :

1. Menjalankan kuliah dan tutorial kepada pelajar-pelajar mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
2. Membimbing pelajar-pelajar melalui program rasmi Jabatan dan / atau kolej (program "mentoring") dan seumpamanya.
3. Memberi bimbingan akademik kepada pelajar-pelajar melalui waktu rundingcara.
4. Menyediakan soalan-soalan peperiksaan, dan menjalankan penandaan serta pemarkahan bagi subjek-subjek yang berkaitan mengikut ketetapan dan peraturan akademik.
5. Menjadi pengawas peperiksaan bagi semua program yang dijalankan oleh kolej.
6. Terlibat dengan aktiviti penulisan dan penerbitan bagi memperkasakan ahli akademik.
7. Mematuhi peraturan dan piawaian yang ditentukan oleh kolej, agensi dan badan profesional.
8. Menjalankan tugas-tugas pentadbiran Jabatan Akademik & Penyelidikan mengikut keperluan dan arahan semasa.
9. Menganggotai jawatankuasa kerja yang ditubuhkan oleh Jabatan dan / atau kolej untuk tujuan pembangunan akademik dan KPBK.
10. Menghadiri mesyuarat Jabatan Akademik & Penyelidikan dan Kolej.
11. Menjalankan aktiviti untuk mempromosikan program akademik.
12. Melibatkan diri dengan aktiviti pembangunan masyarakat bila diperlukan.
13. Menjalankan lain-lain tugas yang diarahkan daripada semasa ke semasa

Syarat Kelayakan Minimum :

Pensyarah Pengurusan Halal (Kontrak) :

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Pengurusan Industri Halal / Ijazah Sarjana Muda Pembangunan Makanan Halal / Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Rantaian Bekalan Halal atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
2. Berpengalaman dalam bidang pengurusan industri halal / profesional sekurang-kurangnya 3 tahun.

Pensyarah Kaunseling (Kontrak) :

1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Sains Sosial dan Kemanusiaan (Psikologi Kaunseling) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
2. Mempunyai pengalaman dalam industri / profesional sekurang-kurangnya 3 tahun.

CARA PERMOHONAN

Sekiranya anda adalah seorang yang berdaya saing, kreatif dan berinovasi, mempunyai tahap komitmen yang tinggi, berfikiran positif serta mampu bekerja dalam suasana mencabar, surat permohonan dan resume boleh dihantar melalui pos / serahan tangan / e-mel ke alamat berikut :-

**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 3, MENARA AKADEMIK
KOLEJ PROFESIONAL BAITULMAL KUALA LUMPUR
LOT 1363, JALAN PERKASA
TAMAN MALURI
55100 KUALA LUMPUR**

EMAIL: peluangkerjaya_hr@kpbkl.edu.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 JANUARI 2023 (JUMAAT)